

KAJIAN AWAL PELAKSANAAN KURSUS PEMULAAN GRADUAN (STARTING SCHOOL) DI UPM

**Mohammad Shatar Sabran
Mansur Abu Taib**

Fakulti Ekologi Manusia,
Universiti Putra Malaysia

ABSTRACT

The study examines satisfaction for the first introduction programs in Malaysian university known as "starting school" course. There were 3321 respondents among first semester UPM new students were administered survey by questionnaire. Data was obtained regarding likert scale category questionnaire and were administrated using SPSS version 10. The results suggest that the effects of the course vary significantly depending upon the source of university programme, campus life style and will affect job demands, the personality and the psychological symptom manifested. The result allow that the programs have positive reaction by student and should be apply to all university in Malaysia

Keywords: starting school, campus life style, job demands, university programme

PENDAHULUAN

Situasi institusi pengajian tinggi, perubahan demi perubahan baik dari segi pentadbiran, kurikulum mahupun pencapaiannya sering belaku. Pelbagai usaha telah dilaksanakan untuk menaiktarafkan dan menghasilkan generasi yang lebih berdaya saing dan kompetitif untuk menerajui negara Malaysia. Penghasilan individu sebegini dapat direalisasikan kepelbagain program universiti.

Justeru itu, selaras dengan kehendak kerajaan Malaysia, Kementerian Pendidikan Tinggi Malaysia juga telah menyarankan Institusi Pengajian Awam (IPTA) melaksanakan kepelbagain program seperti Program Kemahiran Insaniah (Soft Skills) dalam usaha melahirkan graduan berminda kelas pertama yakni kebolehan berkomunikasi, penguasaan bahasa, keupayaan berfikir secara kritis, kemampuan menyelesaikan masalah, keserasian kerja dalam pasukan, memiliki daya keusahawanan, bakat kepimpinan serta nilai moral dan etika yang tinggi.

PENGENALAN

Sejajar dengan seruan kerajaan dan melihat kepada isu graduan terutama isu Pengangguran di kalangan graduan tempatan sudah menjadi isu yang hangat dibincangkan oleh semua pihak. Pelbagai alasan dan faktor dikaitkan dengan senario berkenaan. Diantara faktor utama mengapa graduan tempatan gagal mendapatkan pekerjaan kerana kelemahan mereka untuk berkomunikasi dengan baik, terutamanya di dalam bahasa inggeris. Selain daripada itu, kegagalan graduan untuk memperolehi keputusan akademik yang baik juga turut menjadi penyumbang kepada isu ini (KPT, 2006).

Sebagai langkah untuk menangani masalah tersebut UPM telah mengambil tindakan proaktif dengan menawarkan Kursus Permulaan Graduan (KPG) atau Starting School kepada semua mahasiswa baharu mulai sesi 2007/2008 yang lepas. Modul kursus yang ditawarkan ini memberikan penekanan kepada lima elemen utama iaitu adaptasi pembelanjaran di kampus, teknik pembelajaran berkesan, kemahiran berkomunikasi, kepentingan bahasa inggeris, dan kerja berkumpulan. Matlamat utama KPG untuk membantu setiap mahasiswa UPM mengambil langkah awal bagi memastikan mereka memiliki semua elemen utama yang dikehendaki oleh bakal majikan apabila tamat pengajian kelak. Seramai 4600 mahasiswa baru telah menghadiri kursus selama 7 jam tersebut dengan jayanya pada julai yang lepas.

Usaha UPM menawarkan KPG mendapat sokongan dari semua pihak terutamanya pihak pengurusan universiti dan Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) Malaysia. Pihak pengurusan universiti dan KPT telah memberikan bantuan kewangan yang besar untuk melaksanakan usaha tersebut

KPG merupakan kursus yang sangat diperlukan sebelum pelajar melangkah lebih jauh dalam alam pembelajaran di universiti dan mampu mengubah pendirian mereka dengan keperluan sebenar alam pekerjaan selepas mereka tamat pengajian kelak. Kursus ini mampu menyediakan graduan dengan pelbagai kemahiran tanpa perlu memberi pendedahan melalui latihan dalam perkhidmatan (in-house training) apabila mereka bekerja kelak. Perkara ini dapat mempengaruhi industri untuk mengharapkan agar peranan dan tanggungjawab memberi pendedahan asas ini diambil alih oleh institusi pendidikan (Hussey, 2002).

Seminar yang dianjurkan oleh pihak Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) bersama-sama dengan ahli akademik pada 6 -7 Ogos 2002 yang lalu, telah merumuskan kepentingan kursus seumpama ini untuk membantu pelajar menghadapi alam perkerja dengan lebih kompetitif. Menyedari kepentingan tersebut, Universiti Putra Malaysia telah mengorak langkah ke arah merealisasikan pelaksanaan Kursus Permulaan Graduan yang telahpun dilaksanakan dengan jayanya mulai Sesi 2007/2008 yang lepas.

METODOLOGI

Cara persampelan

Persampelan dibuat secara rawak bertujuan. Secara keseluruhannya kesemua mahasiswa baru terbabit dalam penyelidikan ini dengan jumlah 3321 orang responden dari 15 Fakulti Pengajian di Universiti Putra Malaysia dan 10 kolej kediaman Universiti Putra Malaysia

PENGUMPULAN DATA

Instrumen Kajian

Borang soal selidik OMR digunakan bagi tujuan pengumpulan data dengan disertakan bersama-sama soal selidik kajian yang dirangka dengan terbahagi kepada empat bahagian iaitu kejayaan kursus KPG, corak pengendalian kursus, kemahiran fasilitator, dan pengendalian aktiviti KPG

HASIL KAJIAN DAN PERBINCANGAN

Latarbelakang Sampel

Sampel dalam kajian ini terdiri daripada 3321 mahasiswa baru Universiti Putra Malaysia yang terdiri daripada 2213 orang (66.6%) mahasiswa perempuan dan 910 orang (27.4%) mahasiswa lelaki. Sampel terdiri daripada 54.5% Melayu, 34.7% Cina, 2.4% India, 5.4% bumiputera Sabah/Sarawak dan 2.1% terdiri dari lain-lain etnik. Keterangan terperinci boleh dilihat berdasarkan jadual dan carta di bawah.

Jadual 1. Taburan sampel mengikut ciri-ciri latar belakang (n=3321)

Item		Bilangan	Peratus
Jantina	Lelaki	910	27.4
	Perempuan	2213	66.6
Bangsa	Melayu	1810	54.5
	Cina	1152	34.7
	India	79	2.4
	Bumiputera	180	5.4
	Sabah/Sarawak		
	Lain-lain etnik	69	2.1

Penilaian Awal Kursus Permulaan Graduan (KPG) *Starting School UPM*

Berdasarkan kepada kajian awal KPG yang telah dijalankan pada Sesi 2008/2009 yang lepas, dapatan kajian mendapati bahawa secara umumnya KPG telah berjaya mencapai matlamat pelaksanaannya. Seramai 3321 pelajar telah terlibat di dalam kajian tersebut. Borang soalselidik telah digunakan di dalam kajian yang dijalankan ini. Empat elemen utama berkenaan dengan KPG telah dinilai di dalam kajian tersebut iaitu, kandungan, pengendalian, fasilitator dan aktiviti kursus.

Kejayaan Pelaksanaan Kursus Permulaan Graduan (KPG)

Berdasarkan kepada skor bagi soal selidik dalam Jadual 1 di bawah menunjukkan bahawa lebih daripada 80% daripada mahasiswa menyatakan bahawa KPG atau Starting School cemerlang dan berjaya mencapai objektifnya. Kejayaan ini adalah kerana KPG memberikan perbincangan yang komprehensif mengenai realiti dan cabaran yang bakal ditempoh oleh setiap pelajar baharu di IPTA semasa menuntut di IPTA yang terlibat.

Melalui KPG, setiap peserta akan didedahkan dengan corak kehidupan dan sosialisasi di kampus. Pelbagai aspek kehidupan dikampus akan dibincangkan secara praktikal di dalam kursus ini. Di antara elemen yang dibincangkan ialah ketrampilan diri, hubungan di antara pelajar dan pensyarah, kehadiran kuliah, teknik pembelajaran, dan ekspektasi majikan.

Bentuk pendedahan dan penerangan yang diberikan kepada pelajar pula adalah bersifat praktikal dan bukannya berupa siri ceramah yang membosankan. Aktiviti-aktiviti yang diatur seperti penasihatatan

akademik, kegiatan kerohanian di kolej kediaman, kegiatan ko-kurikulum seperti kelab, persatuan dan badan beruniform serta bengkel-bengkel kemahiran memberi ruang dan peluang kepada pelajar untuk menonjolkan potensi mereka.

Melalui kaedah ini, pelajar baharu akan mempunyai kesedaran atas terhadap program yang dilaksanakan di universiti tanpa menghadapi kejutan budaya dan berjaya mengadaptasinya dengan baik seperti yang digambarkan oleh maklum balas pelajar didalam kajian awal yang dijalankan ini. Hampir 100% pelajar baharu mengakui bahawa mereka menyedari dan faham perbezaan kehidupan yang dihadapi di kampus Universiti.

**Jadual 1.Tahap Kejayaan Kursus KPG
N=3321**

Perkara	Bilangan	Peratus
<i>Berjaya meningkatkan kemahiran untuk menyesuaikan diri dengan kehidupan kampus</i>	2925	88.1
<i>Berjaya meningkatkan kemahiran menggunakan strategi belajar di universiti</i>	2790	84
<i>Berjaya meningkatkan kemahiran bersosial di kampus</i>	2941	88.6
<i>Berjaya menyedarkan kepentingan meningkatkan kemahiran berbahasa inggeris</i>	3141	94.6
<i>Berjaya menambahkan pengetahuan tentang ciri-ciri graduan unggul</i>	2903	87.4
<i>Berjaya mengubah menjadi pelajar yang lebih baik daripada sebelum</i>	2654	79.9

Kejayaan Pengendalian Kursus Permulaan Graduan

Analisis yang dijalankan terhadap pengendalian kursus mendapati lebih daripada 70% mahasiswa UPM telah bersetuju dengan langkah pengendalian kursus KPG yang telah dilakukan dengan teratur dan baik disepanjang kursus. Maklumat terperinci mengenai elemen yang dinilai mengenai kaedah pengendalian KPG ditunjukkan di dalam Jadual 2 di bawah.

**Jadual 2.Tahap Kejayaan Pengendalian Kursus KPG
Perkara N=3321**

	Bilangan	Peratus
<i>Mendapat maklumat yang jelas tentang kursus</i>	2707	81.5
<i>Pendaftaran kursus berjalan dengan lancar</i>	2937	88.4
<i>Mendapat bantuan yang diperlukan daripada staf yang terlibat</i>	2798	84.3
<i>Makanan yang disediakan mengcukupi</i>	2961	89.2
<i>Jangka masa yang diperuntukan (satu hari) sangat sesuai</i>	2295	69.1
<i>Bahan edaran pelajar sangat berguna</i>	2573	77.4
<i>Lokasi dan persekitaran bilik sesuai</i>	2862	86.1
<i>Kandungan kursus sangat berguna</i>	2802	84.3
<i>Kursus memenuhi ekspektasi</i>	2387	71.9
<i>Berminat mengikuti kursus lanjutan</i>	2052	61.8
<i>Mencadangkan rakan mengikuti kursus KPG</i>	2486	74.9
<i>Kursus secara keseluruhan sangat baik</i>	3130	94.3

Tugasan Fasilitator

Kajian menunjukkan bahawa fasilitator menjalankan tugas dengan jayanya dengan skor persetujuan mahasiswa melebihi daripada 90% . Ini menunjukkan bahawa fasilitator yang dilantik dalam menguruskan kursus KPG menjalankan tanggungjawab mereka sepenuhnya bagi menjayakan perjalanan kursus ini. Maklumat terperinci mengenai elemen yang dinilai terhadap tugas fasilitator yang terlibat dengan KPG ditunjukkan di dalam Jadual 3 di bawah.

**Jadual 3.Tahap Kejayaan Kerja Fasilitator
N=3321**

<i>Perkara</i>	Bilangan	Peratus
<i>Berpengetahuan dalam unit yang dikendalikan</i>	3159	95.1
<i>Fasih berkomunikasi dalam bahasa inggeris</i>	3076	92.6
<i>Menggalakkan semua pelajar berinteraksis</i>	3228	97.1
<i>Merumuskan isi penting dalam perbincangan</i>	3137	95.6
<i>Memberi maklum balas berguna sepanjang aktiviti</i>	3166	95.3
<i>Menjadikan kelas menarik dan ceria</i>	3089	93
<i>Memiliki penampilan sesuai dengan bentuk kursus</i>	3155	95
<i>Mempamerkan etika yang boleh dicontohi</i>	3177	95.6
<i>Berkomunikasi dengan lantang dan jelas</i>	3187	96
<i>Mengendali kursus dengan berkesan</i>	3144	94.7
<i>Merupakan fasilitator yang cemerlang</i>	3096	93.2

Pengendalian Aktiviti

Secara keseluruhan lebih daripada 80% daripada mahasiswa yang menghadiri kursus KPG bersetuju menyatakan aktiviti yang dijalankan dalam kursus ini sangat menarik. Maklumbalas yang positif daripada pelajar yang telah menghadiri KPG ini adalah kerana, kaedah pengendalian aktiviti di dalam Modul KPG adalah dilakukan secara praktikal. Konsep Learn by Doing diaplifikasi sepenuhnya di dalam setiap aktiviti. Justeru itu pelajar akan lebih tertarik dan berminat untuk mengikuti kursus ini. Maklumat terperinci mengenai elemen yang dinilai mengenai kejayaan pengendalian aktiviti KPG ditunjukkan di dalam Jadual 4 di bawah.

**Jadual 4.Tahap Kejayaan Pengendalian Aktiviti
N=3321**

<i>Perkara</i>	Bilangan	Peratus
<i>Icebreaking</i>	2704	81.4
<i>Kemahiran Suai Diri</i>	2936	88.4
<i>Pembelajaran di Universiti</i>	2918	87.8
<i>Penampilan Diri</i>	2908	87.6
<i>Speaking Skill</i>	2846	85.7
<i>Ciri Graduan Unggul</i>	2709	81.6

PERBINCANGAN

Hasil kajian ini menunjukkan bahawa mahasiswa memberi tanggapan dan keputusan yang baik terhadap perlaksanaan kursus KPG atau Starting School dengan secara keseluruhan skor persetujuan melebihi daripada 80% pada setiap item soal selidik yang diunjurkan. Faktor ini meletakkan bahawa kursus KPG amat penting untuk dilaksanakan bagi setiap mahasiswa baharu yang berdaftar di UPM di masa akan datang.

Kursus ini penting untuk dilaksanakan kepada setiap pelajar baharu kerana ia dapat membantu pelajar yang terlibat dalam membentuk kecemerlangan dan keyakinan diri supaya boleh mengadaptasikan diri dengan baik apabila berada di kampus. Justeru itu atas dasar kepentingan melahirkan graduan yang unggul dan terlatih ini, maka kursus ini adalah baik jika dapat diaplikasikan di IPTA lain. .

KPG ini juga dapat membantu mahasiswa menyesuaikan diri terhadap persekitaran seperti kejutan budaya, perubahan sikap, pengurusan masa dan disiplin diri. Selain daripada itu, kursus ini dapat membantu pelajar mempelajari teknik dan kaedah pembelajaran di universiti secara berkesan seperti teknik pembacaan, mengambil nota, perbincangan dan kerjaterkumpulan. Selain daripada itu, kursus ini juga membantu setiap mahasiswa yang terlibat dalam aspek soasialisasi yang merangkumi kemahiran bersosial dan berinteraksi sesama rakan ataupun pengajar. Kursus ini juga dirangka untuk membantu mahasiswa berkomunikasi dalam bahasa Inggeris dengan yakin dan lancar. Selain daripada it, KPG juga memberi pendedahan kepada pelajar ekspektasi majikan terhadap kualiti graduan yang bakal memasuki pasaran pekerjaan.

Adalah diharapkan, dapatkan kajian awal pelaksanaan Kursus Permulaan Graduan Starting School ini dapat membantu pihak universiti dan Kementerian Pengajian Tinggi untuk mempertingkatkan lagi kualiti graduan IPTA pada masa akan datang. Melalui kursus seumpama KPG ini pihak pengkaji yakin, bakal graduan yang dikeluarkan oleh universiti yang terlibat mempunyai kualiti yang kompetitif dan mampu menjadi pemangkin kepada paradigma pembangunan Negara ke arah kemajuan yang jitu dan mampan.

KESIMPULAN

Kursus Permulaan Graduan mempunyai pengaruh yang kuat ke atas pembentukan mahasiswa baharu ke arah menjadi pelajar yang

berkualiti. Kelebihan utama kursus ini ia dapat membantu pelajar mencari arah yang betul untuk menyiapkan diri dengan kehidupan di kampus dan belajar di universiti. Mahasiswa dapat mengetahui corak gaya hidup yang sihat dan bersesuaian agar tidak tersasar daripada matlamat mereka memasuki universiti. Adalah diharapkan agar hasil kajian yang dilaporkan ini dapat menarik perhatian pihak yang berwajib seperti Kementerian Pengajian Tinggi dan universiti yang terlibat mempergiatkan lagi usaha untuk melahirkan graduan yang cemerlang.

RUJUKAN

- Coplin, B. (2004, September 6). For new graduates, ‘soft skills’ are the secret weapon in job hunt. Message posted to USA TODAY.com archived at http://www.usatoday.com/news/opinion/editorials/2004-06-09-coplin_x.htm
- Fatmawati, L., Norrihan, S., Muhammad Nubli, A.W., Mansor, S. & Mohd Azam, M.A. (2005). Moulding Soft Skills Module for KUKTEM: A research report. Kuantan: Penerbit KUKTEM.
- Le Moyne College, Academic Information for First Year Students. Sedia ada di: http://www.lemoyne.edu/orientation/first_year.
- New Student Orientation @ A&M – Commerce, Purpose of Orientation. Sedia ada di: <http://synergy.tamu-commerce.edu/orientation/purpose.htm>
- Pulko, S.H. & Parikh, S. (2003). Teaching ‘soft’ skills to engineers. International Journal of Electrical Engineering Education, 40 (4), 243-254.
- Universiti Teknologi Malaysia. Sedia ada di: <http://www.utm.my>.

